

Fasa Pemulihan Ekonomi Negara

Oleh NUURUL 'AFIAH MAMAD




PADA 7 Jun lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA yang bertemakan “Bersama Menjanakan Ekonomi” sebagai persediaan negara untuk menghadapi tahap keempat bagi menangani cabaran penularan dan kesan pandemik COVID-19. Berdasarkan pelan ini, terdapat 40 inisiatif yang komprehensif bernilai RM35 bilion digariskan untuk memastikan sebahagian besar sektor penting negara seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pelancongan, pekerjaan, dan harta tanah mendapat manfaat bagi menghadapi fasa baharu pasca-COVID-19.

Sejak Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac lalu, kerajaan menggariskan enam tonggak yang menjadi strategi bagi menghadapi cabaran penularan dan impak COVID-19 kepada keselamatan nyawa dan pertumbuhan ekonomi serta ekosistem

perniagaan. Enam tonggak tersebut yang dikenali sebagai “6R” ialah Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilience*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasakan (*Revitalize*) dan Menyusun Semula (*Reform*).

Sepanjang PKP dilaksanakan, rakyat menyaksikan bagaimana 3R pertama yang dilaksanakan, lebih menumpukan perhatian terhadap kawalan pergerakan di seluruh negara dan pakej bantuan untuk meringankan beban kewangan rakyat dan sektor atau industri tertentu.

Pada tahap ketegasan, pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat secara langsung dan aktif bagi melaksanakan pemantauan di kawasan tertentu dan sekatan jalan raya bagi mengelakkan penduduk bergerak menjangkau jarak yang ditetapkan. Dalam tempoh ini, hampir sebahagian besar



Sebanyak 40 inisiatif bernilai RM35 bilion digariskan untuk memastikan sebahagian besar sektor penting negara mendapat manfaat daripada PENJANA.

sektor termasuk pendidikan pada setiap peringkat diarahkan supaya tidak beroperasi dan diwajibkan berada di kediaman masing-masing. Pada ketika ini, amalan bekerja dari rumah pula menjadi budaya atau norma baharu dalam kalangan penduduk.

Namun begitu, bagi rakyat yang ingkar, hukuman tegas dikenakan untuk memberikan ingatan dan pengajaran kepada semua pihak. Memang terdapat rakyat, termasuk ahli politik, telah dibawa ke mahkamah dan dikenakan denda kerana ingkar PKP. Selain itu kerajaan turut mewartakan 11 daripada 13 penjara sementara sebagai pusat tahanan pesalah ingkar PKP. Tindakan tegas ini bertujuan untuk memastikan usaha kerajaan agar keluk penularan COVID-19 dapat dilandaikan serta mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan penduduk.

Berada di kediaman untuk suatu tempoh yang panjang bersama-sama keluarga mungkin dianggap sebagai keseronokan kepada segelintir pihak. Sepanjang tempoh PKP, mereka dapat meluangkan masa bagi melakukan pelbagai aktiviti di dalam rumah seperti menonton filem, memasak, atau membaca buku dengan sepuas-puasnya. Namun begitu, situasi

sebegini tidak pula dinikmati secara saksama oleh semua penduduk. Semasa PKP, tidak dinafikan wujud golongan yang berhadapan dengan kebimbangan dan kesukaran kerana hilang sumber pendapatan harian seperti para peniaga kecil atau pekerja yang berisiko kehilangan pekerjaan.

Menyedari akan hakikat ini, kerajaan menunjukkan komitmen bagi meringankan beban yang dialami penduduk dengan melaksanakan strategi untuk membina ketahanan apabila Perdana Menteri mengumumkan pakej bantuan bernilai RM260 bilion yang dikenali sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac lalu. Pakej ini ditambah lagi dengan Pakej PRIHATIN PKS (Tambahan) pada 6 April lalu. Tujuan pakej ini diperkenalkan, seperti yang dijelaskan oleh Tan Sri Muhyiddin adalah untuk meningkatkan kemampuan rakyat dan ekonomi.

Dalam hal ini, ada tiga matlamat utama yang diberi penekanan melalui Pakej PRIHATIN, iaitu melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi. Secara umumnya, pakej ini sedikit banyak telah membantu rakyat dan sektor perniagaan untuk meneruskan kelangsungan walaupun dalam situasi yang amat sukar serta mencabar. Melalui bantuan kewangan yang diperoleh, penduduk dapat berbelanja untuk memperoleh barangan keperluan harian dan membolehkan kitaran perniagaan terus bergerak meskipun pada tahap yang rendah.

Berkaitan dengan hal ini, terdapat 10 langkah utama yang terkandung dalam pakej berkenaan, iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Program Subsidi Upah, Dana Tambahan Untuk PKS, Moratorium Pinjaman, Bantuan Pelajar IPT, Membendung COVID-19, Pengeluaran KWSP Akaun 2, Skim Jaminan Korporat Danajamin, Projek-projek Kecil dan Diskaun Bil Elektrik.

Untuk meringankan masalah yang dihadapi sektor PKS dan mikro, kerajaan mengumumkan pula tambahan dana RM10 bilion bagi memastikan dua pertiga daripada jumlah golongan pekerja di dalam negara terhindar daripada masalah pengangguran. Walaupun pakej bantuan ini mendapat sambutan baik

oleh banyak pihak, pada masa yang sama, jika aktiviti ekonomi gagal berfungsi pada tahap yang sewajarnya, maka lambat laun, negara akan kehilangan sumber kewangan ditambah pula dengan kejatuhan harga minyak dunia yang menjadi sumber pendapatan penting kepada negara.

Oleh hal demikian, melihat kesukaran negara untuk menghadapi kelembapan ekonomi, maka bermula 4 Mei lalu, sekatan pergerakan telah diletakkan pada fasa keempat yang turut dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Keadaan ini juga sekali gus meletakkan negara berada pada strategi memulakan semula (*restart*). Pada fasa ini, hampir keseluruhan sektor ekonomi sudah dibenarkan beroperasi semula oleh kerajaan tetapi dengan prosedur operasi standard (SOP) yang wajib dipatuhi. Sungguhpun langkah ini dilihat oleh banyak pihak sebagai berisiko, kerajaan pula melihat hal ini penting untuk memastikan ekonomi negara kekal mampan dan mampu berdaya saing.

Keputusan kerajaan membenarkan sebahagian besar sektor ekonomi beroperasi walaupun wujud kebimbangan berhubung risiko peningkatan semula jangkitan COVID-19 bukanlah langkah terburu-buru. Sebaliknya tindakan ini diputuskan selepas mengambil kira kemampuan Kuala Lumpur mematuhi enam tanda aras yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Enam tanda aras tersebut ialah kawalan keselamatan, kawalan pergerakan, kemampuan sistem kesihatan, kemampuan melindungi golongan berisiko tinggi, mengamalkan kebiasaan baharu dan kemampuan melaksanakan langkah pencegahan dalam kalangan komuniti.

Di samping itu, perkembangan semasa berhubung dengan COVID-19 pula menunjukkan bahawa penularan wabak di dalam negara berada pada tahap yang terkawal. Hal ini turut dikuatkan dengan kenyataan sokongan daripada sekumpulan pakar perubatan dari Republik Rakyat China yang melihat bahawa Malaysia telah bersedia untuk menggerakkan semula ekonomi.

Sementara itu, bagi menjelaskan lebih lanjut akan perkara ini, Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kegagalan untuk menggerakkan semula ekonomi akan menyebabkan negara mengalami penyusutan sumber pendapatan, sekali gus berisiko merencatkan pertumbuhan ekonomi. Kesannya ialah pendapatan individu akan terjejas, manakala banyak perniagaan terpaksa gulung tikar.

Berdasarkan laporan, nilai eksport bagi sektor pembuatan sahaja telah mengalami penyusutan hasil yang dianggarkan bernilai sebanyak RM32 bilion bagi setiap tempoh dua minggu PKP dilaksanakan. Sekiranya PKP diteruskan pada Mei lalu tanpa sebarang pergerakan ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan mencatatkan kerugian berjumlah RM98 bilion. Sebaliknya langkah membuka semula sektor ekonomi pada Mei dilihat membantu sektor PKS untuk kembali merancang operasi dan seterusnya merendahkan risiko yang mengundang peningkatan kadar pengangguran. Hal ini demikian kerana sektor ini menyumbang 66 peratus tenaga kerja di dalam negara.

Sememangnya PKS merupakan sektor yang penting, malah Perdana Menteri yang menganggapnya sebagai tunjang utama ekonomi negara yang menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di dalam negara dan hampir 40 peratus kepada ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, bagi memantapkan kedudukan pertumbuhan ekonomi dan perniagaan negara, PENJANA dilihat mampu berperanan bagi mengukuhkan dan merencanakan semula ekonomi dalam situasi yang serba baharu dan mencabar. Terdapat tiga teras utama yang digariskan dalam PENJANA, iaitu Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi.

Jika diperhatikan, teras utama ini tiada berbeza daripada matlamat pakej PRIHATIN. Secara perbandingan, bahkan kerajaan dilihat masih menjadikan pakej PRIHATIN sebagai panduan kepada PENJANA untuk ditambah baik, contohnya, Perluasan Program Subsidi Upah yang menelan belanja RM5 bilion.

Melalui PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan, program tiga bulan ini berjaya

menyelamatkan lebih 2.2 juta pekerjaan. Oleh itu, melalui PENJANA pula subsidi upah ini akan dilanjutkan lagi bagi tempoh yang sama dengan menetapkan kadar RM600 sebulan kepada setiap pekerja hingga maksimum 200 pekerja bagi setiap syarikat.

Menurut Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM), Datuk Azman Yusoff, langkah kerajaan melanjutkan program subsidi upah ini akan membantu mengukuhkan aliran tunai perniagaan, sekali gus mengelakkan tindakan drastik syarikat untuk membuang pekerja. Peruntukan yang disediakan sebanyak RM2 bilion untuk meningkatkan kemahiran kerja bagi golongan penganggur dan belia yang dijangkakan memberikan manfaat kepada lebih daripada 200 ribu orang merupakan langkah penting kerana tenaga kerja yang berkemahiran kini mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran pekerjaan.

Yang penting bagi menghadapi situasi pasca-COVID-19 adalah untuk memastikan kadar pengangguran berada dalam situasi yang terkawal. Negara akan mengalami kerugian dan pembaziran sumber tenaga kerja sekiranya kadar pengangguran berada pada kadar yang tinggi. Maka itu, melalui PENJANA kerajaan memperuntukkan hampir RM9 bilion yang bakal memberikan manfaat kepada sebanyak tiga juta tenaga kerja melalui beberapa inisiatif.

Selain Perluasan Program Subsidi Upah, pengenalan Program Insentif Pengambilan Pekerja dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion dilihat mampu memastikan negara memiliki tenaga kerja berkemahiran dengan kebajikan yang terpelihara.

Pada masa yang sama, hal yang turut perlu diberi penekanan dan pendedahan yang lebih luas kepada para penerima manfaat inisiatif ini ialah peluang pengembangan kerjaya atau perniagaan untuk meningkatkan tahap keyakinan dan kemandirian tanpa perlu

bergantung harap pada kerajaan sepenuhnya apabila tamat kursus nanti. Selaras dengan pengenalan istilah “norma baharu”, situasi ini juga terpakai dalam segenap bidang kehidupan dan pekerjaan. Oleh itu, langkah kerajaan mendorong PKS dan mikro melakukan anjakan dengan memanfaatkan kelebihan digital atau perhubungan perniagaan dalam talian merupakan tindakan yang tepat pada waktunya.

Peruntukan melalui geran padanan bernilai RM140 juta melalui usaha sama kerajaan dengan sektor swasta dalam bentuk latihan, subsidi penjual dan bantuan penjualan merupakan peluang yang perlu direbut oleh para usahawan PKS. Merujuk kenyataan Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho, penggunaan platform jualan dalam talian semakin popular dan meningkat semasa PKP berlangsung perlu menjadi pencetus kepada para pemain PKS untuk meningkatkan keterlibatan dalam bidang digital.

Secara umumnya, PENJANA yang dilaksanakan bagi jangka masa pendek ini dengan tempoh hingga hujung tahun 2020 masih jauh daripada sempurna kerana kesukaran menjangkakan cabaran baharu yang akan muncul. Walau bagaimanapun, tumpuan dan peruntukan besar terhadap masalah pengangguran dan sektor PKS serta mikro menunjukkan kerajaan masih berupaya mengenal pasti keutamaan bagi memulihkan ekonomi.

Namun begitu, kepentingan PENJANA kepada pertumbuhan negara sukar disangkal lagi kerana turut mendapat perhatian dan sokongan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Dalam kenyataannya, baginda bertitah dengan menzahirkan keyakinan bahawa pendekatan inklusif ini mampu menjadi mangkin kepada pemulihan dan pertumbuhan ekonomi bagi jangka pendek, sekali gus berupaya meningkatkan keyakinan serta sentimen rakyat, perniagaan dan pelabur asing. Oleh itu, sepanjang fasa pemulihan ini, seluruh pihak wajar bekerjasama sebagai barisan hadapan baharu bagi memastikan kestabilan negara dan pertumbuhan ekonomi dapat dipulih dan ditingkatkan. •

Negara akan mengalami kerugian dan pembaziran sumber tenaga kerja sekiranya kadar pengangguran berada pada kadar yang tinggi.